

**SOALAN NO. 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM KIT SIANG  
[ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab mengapa Kerajaan enggan menubuhkan jawatankuasa bipartisan mengenai berita palsu untuk merangka undang-undang dan mekanisme yang lebih berkesan dan berkredibiliti demi menangani gejala berita palsu.

124

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 17 Januari 2018 Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Berkaitan Dengan Isu Penyebaran Berita Tidak Benar (Jawatankuasa Khas) untuk mengkaji keperluan menilai semula undang-undang sedia ada berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar bagi menentukan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan sesuai dengan perubahan semasa teknologi maklumat.

Beberapa mesyuarat Jawatankuasa Khas telah diadakan yang telah dihadiri oleh wakil agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan termasuk Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dan wakil daripada Majlis Peguam Malaysia dan wakil NGO termasuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Persatuan Wartawan Melayu.

Kerajaan juga telah bersetuju agar keahlian Jawatankuasa ini diperluaskan kepada ahli-ahli akademik daripada institusi pendidikan tinggi dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan wakil-wakil rakyat bagi memastikan inisiatif Kerajaan ini mendapat semua pandangan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, jemputan ke Mesyuarat Jawatankuasa Khas

125

tersebut juga telah dikemukakan kepada antara lain, beberapa wakil-wakil rakyat bagi mendapatkan pandangan dan cadangan berkenaan isu penyebaran berita tidak benar.

Selain itu, sesi taklimat kepada Majlis Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), Majlis Senator Malaysia, Ahli-Ahli Parlimen dari Barisan Pembangkang termasuk senator Pembangkang dan Pengamal Media Tempatan Dan Antarabangsa juga telah diadakan masing-masing pada 26 dan 27 Mac 2018. Seterusnya Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 telah melalui Bacaan Kedua dan Bacaan Ketiga serta diluluskan di Dewan Rakyat pada 2 April 2018.

Sekian, terima kasih.